



جابتن مفتي نخري قهغ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Soalan :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saya mendapatkan pandangan hukum berkaitan para isteri yang membuat siaran langsung “live” di medium media massa seperti Facebook@tiktok, adakah mereka perlu mendapatkan izin daripada suami?

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam atas Nabi besar junjungan kita Nabi Muhammad SAW beserta keluarga dan sahabatnya serta mereka yang mengikuti segala sunnah Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada tuan di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Pada asasnya hukum menggunakan aplikasi media sosial seperti Tiktok adalah **harus** kecuali ada faktor-faktor dan dalil-dalil yang mengharamkannya. Ini bertepatan dengan kaedah fiqh iaitu:

الأَصْلُ فِي الْأَشْيَاءِ الْإِبَاحَةُ حَتَّى يَدُلُّ الدَّلِيلُ عَلَى التَّحْرِيمِ

Maksudnya: Asal sesuatu hukum itu adalah diharuskan sehingga terdapat dalil ke atas pengharamannya.

Namun berkaitan para isteri yang membuat siaran langsung “live” di medium media massa seperti Facebook@tiktok, perkara ini perlu mendapat keizinan suami walaupun ianya merupakan tujuan yang baik. Perkara ini diqiayakan dengan dalil hadis Nabi SAW:

لَا تَصُومُ الْمَرْأَةُ وَبَعْلُهَا شَاهِدٌ إِلَّا بِإِذْنِهِ

Maksudnya: *Tidak dibenarkan berpuasa bagi seorang wanita (isteri) dan suaminya ada disisinya melainkan dengan keizинannya*

Riwayat Muslim (1026)

Ini bermaksud sedangkan puasa ganti dan sunat perlu meminta izin suami apatah lagi dengan perkara-perkara yang lain walaupun ianya merupakan tujuan yang baik. Tambahan pula, sekiranya pengisian ‘content’ dibimbangi akan membuka ruang-ruang fitnah, syahwat lelaki sekalipun menutup aurat dan mendatangkan mudarat kepada diri sendiri serta keluarga. Maka ianya diharamkan merujuk kepada kaedah سَدُّ زَرَائِعُ (*sad al-zarai*) yang bermaksud mencegah perkara-perkara yang boleh membawa kepada yang haram.

Berbalik kepada pokok soalan yang diutarakan, seorang isteri hendaklah menjaga dan memelihara kehormatan diri, maruah serta tingkahlaku dalam segala sudut. Dr. Wahbah Zuhaili dalam tafsirnya menukilkan bahawa menjaga pandangan dan kemaluan merupakan satu kehormatan dan kemuliaan. Ianya bertujuan untuk menutup pintu kerosakan dan mencegah daripada terjadinya sesuatu perkara yang haram. Nabi SAW bersabda :

لَا يَنْظُرُ الرَّجُلُ عَلَى عَوْرَةِ الرَّجُلِ، وَلَا الْمَرْأَةُ إِلَى عَوْرَةِ الْمَرْأَةِ

Maksudnya : “Janganlah seorang lelaki melihat aurat lelaki lain, dan seorang perempuan melihat aurat perempuan lain” (Riwayat Muslim)

Segala perhiasan dan kecantikan seorang wanita hanya milik suaminya sahaja sebagaimana yang digariskan dalam *al-Mausu’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*:

“Mempamerkan perhiasan dan kecantikan kepada sesiapa yang tidak sepatutnya dilihat seperti memakai pakaian yang ketat untuk mempamerkan bentuk badan atau

selainnya. Dan disebabkan itu dapat menaikkan syahwat dan nafsu orang yang memandangnya, maka Ijma' (sepakat) para ulama' adalah haram melainkan kepada suaminya sahaja.”

Kesimpulannya, seorang wanita solehah yang taat kepada suaminya akan berusaha sedaya upaya memelihara maruah diri serta kehormatan daripada tohmah dan fitnah. Selain itu juga, penekanan diberikan dalam menjaga segala gerak geri dan aurat dari sebarang prasangka jahat dan syahwat lelaki lain. **Redha Allah SWT terletak pada keredhaan suami.** Semurninya, segala perkara yang ingin dilakukan oleh seorang isteri haruslah mendapatkan keizinan dan restu suami, tidak kira dalam apa jua situasi sekalipun, waima ianya mendatangkan manfaat buat umat. Kehidupan berumahtangga terbina atas dasar mawaddah dan rahmah dan ini telah dirakamkan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً
وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya : “Dan di antara ayat-ayatNya (keterangan tentang kekuasaan dan rahmat Allah), bahawa Dia (Allah) menciptakan isteri-isteri kamu daripada diri kamu, untuk kamu, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dijadikanNya di antara kamu (suami-isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan” . Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang berfikir. (Ar-Rum:21)

Rujukan

- 1) Al-Quran Dan Terjemahan
- 2) *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*
- 3) Al-Ashbah Wa Al Nazair
- 4) Sahih Muslim